

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 23 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11635
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
 - (a) apakah pendekatan utama yang dilakukan oleh Kerajaan dalam konteks strategi luar negara untuk mempromosikan perdamaian dan keamanan di rantau ini; dan
 - (b) adakah terdapat kejayaan khusus yang dapat dikongsikan yang mencerminkan kesan langsung daripada pendekatan ini.

2. PN-1532-L11486
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah Kementerian menguruskan risiko-risiko yang dihadapi oleh sektor perladangan dan komoditi termasuk risiko harga, cuaca dan penyakit tanaman dan bagaimanakah Kementerian bersiap sedia menghadapi kesan perubahan iklim terhadap sektor perladangan dan komoditi.

3. PN-1532-L11990
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Bantuan Subsidi MADANI atau BUDI MADANI kepada pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi.

4. PN-1532-L11953
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah jangka masa panjang Kementerian untuk memastikan bekalan tenaga kerja dan bakat yang mencukupi dalam pasaran serta ekonomi negara melihat kepada suasana kadar penurunan kelahiran di Malaysia dan juga negara sedang menuju ke arah negara menua (*ageing nation*).
5. PN-1532-L11854
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha yang telah diambil untuk memastikan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) tempatan mendapat manfaat daripada pelaburan langsung asing (FDI).
6. PN-1532-L12073
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani masalah kekurangan jururawat yang kronik dan membenarkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) untuk menawarkan kursus kejururawatan.
7. PN-1532-L11667
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan pelaksanaan operasi Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MBCA) yang diwujudkan dengan melibatkan beberapa agensi bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan pertahanan dan keselamatan negara.
8. PN-1532-L11516
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang di laksanakan untuk memastikan pelajar-pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
9. PN-1532-L11504
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan menggalakkan kolaborasi antara sektor awam, syarikat swasta dan akademia dalam bidang sains, teknologi dan inovasi di Malaysia.

10. PN-1532-L12278

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan di Sabah dalam melindungi kedaulatan negara daripada kegiatan jenayah terancang, subversif, militan dan pencerobohan memandangkan wujud kegentaran awam ekoran beberapa insiden membabitkan keselamatan awam baru-baru ini.

11. PN-1532-L12153

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah statistik pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan sejauh manakah prestasi keupayaan pelaburan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam menjadikan SSPN sebagai sumber pembiayaan utama pendidikan tinggi negara.

12. PN-1532-L12266

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan strategi yang sedang dilaksanakan secara bersepadu ke arah menambah baik kedudukan Malaysia di peringkat global dalam aspek kesediaan pengadaptasian kecerdasan buatan (AI) yang kini berada pada kedudukan 23 dunia dengan tahap persediaan 67 peratus.

13. PN-1532-L11782

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan ekonomi jangka pendek dan jangka panjang kepada negara sekiranya Malaysia menyertai gabungan BRICS.

14. PN-1532-L11749

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan terkini aktiviti Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) sejak dipindah ke bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1 Januari 2024 serta statistik jumlah peserta program AKM mengikut negeri, jantina dan kaum.

15. PN-1532-L11940
Senator Dato' Ajs bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah masalah utama yang dihadapi oleh Kementerian untuk mewartakan tanah Orang Asli di negara ini di bawah Seksyen 6 dan Seksyen 7 Akta Orang Asli 1954 [Akta 134] memandangkan sejak kebelakangan ini, pewartaan tanah kepada Masyarakat Orang Asli dilihat sangat perlahan dan tiada kemajuan.
16. PN-1532-L12028
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) bilangan keseluruhan dewan bedah dan bilangan dewan bedah yang tidak dapat digunakan mengikut pecahan negeri; dan
 - (b) apakah faktor-faktor dewan bedah tersebut tidak dapat digunakan dan berapakah kerugian yang ditanggung dari segi kos penyelenggaraan tahunan dewan bedah tersebut.
17. PN-1532-L12311
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah strategik yang diambil untuk proses penyerapan dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan pelajar di negara ini.
18. PN-1532-L12099
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki pengurusan sisa plastik, khususnya dalam mengurangkan pembuangan plastik yang tidak terkawal yang menjadi sumber utama mikroplastik akuatik; dan
 - (b) sama ada terdapat sebarang inisiatif baharu yang dirancang untuk menguruskan sisa plastik dengan lebih berkesan.
19. PN-1532-L11458
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai dasar jangka panjang untuk memberi pendidikan tinggi secara percuma seperti yang akan dilaksanakan di Sarawak pada tahun 2026 dan negara-negara maju yang lain.

20. PN-1532-L12123
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti India termasuk pemberian insentif serta bantuan projek-projek pembangunan berskala kecil bagi membantu menjana pendapatan masyarakat India serta merancakkan aktiviti ekonomi setempat.
21. PN-1532-L11573
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan dasar Kerajaan untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi dalam negeri-negeri di Malaysia dan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan dana pembangunan wilayah dalam memperbaiki situasi ekonomi di negeri-negeri yang tertinggal sejak lima tahun kebelakangan ini.
22. PN-1532-L11876
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan khusus Kementerian bagi merancakkan kembali arena sukan sepak takraw termasuk Sepak Takraw League (STL) ekoran kejayaan pasukan sepak takraw Malaysia serta apakah strategi yang direncanakan dalam melahirkan lebih ramai pemain-pemain muda negara.
23. PN-1532-L11795
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah syarikat Bumiputera yang tidak berpengalaman dalam bidang automotif yang telah memohon untuk mendapatkan kelulusan permit import (AP) yang bermula pada 1 Julai 2024 dan bagaimanakah pemilikan AP dapat mendorong syarikat-syarikat tersebut untuk bersaing dengan pemain-pemain industri yang jauh lebih berpengalaman.
24. PN-1532-L11537
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membanteras aktiviti pemasangan lampu putih terang yang berintensiti tinggi pada kenderaan yang mengganggu pengguna jalan raya lain.
25. PN-1532-L12050
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk menangani implikasi perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) kepada landskap perundangan dan profesion undang-undang negara dan sama ada terdapat undang-undang atau dasar baharu yang akan digubal oleh Kerajaan dalam hal ini.

26. PN-1532-L11724
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keselamatan balai polis di seluruh negara dipertingkatkan susulan tragedi hitam yang menimpa Balai Polis Ulu Tiram beberapa bulan yang lalu.
27. PN-1532-L12241
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan bersama Majlis Agama Islam di lima wilayah selatan Thailand bagi menyelesaikan isu proses pernikahan rakyat negara ini di sana supaya perkara ini dilakukan mengikut ketetapan undang-undang.
28. PN-1532-L11913
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) strategi dan langkah-langkah Kementerian secara terperinci atas platform ASEAN dengan mengambil kira langkah dasar luar Amerika Syarikat dan China serta minat penyertaan Malaysia di dalam gabungan BRICS baru-baru ini dalam usaha meningkatkan pendidikan tinggi negara untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia; dan
 - (b) apakah langkah terkini untuk memastikan Malaysia menjadi hab pendidikan serantau dan antarabangsa.
29. PN-1532-L12089
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) usaha yang dilakukan bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar, terutama untuk menangani peningkatan pemikiran dan percubaan bunuh diri dalam kalangan remaja perempuan; dan
 - (b) langkah-langkah intervensi yang disediakan di sekolah-sekolah dan komuniti.
30. PN-1532-L11679
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pelan tindakan yang telah dirangka oleh Kementerian dalam menjadikan budaya membaca dalam kalangan masyarakat dan adakah industri penerbitan buku negara masih boleh bertahan susulan media elektronik yang sedang menguasai kehidupan pada masa kini.

31. PN-1532-L12008
Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bersedia untuk menerbitkan Examiners' Report yang memperincikan prestasi keseluruhan calon-calon dan apa yang dikehendaki oleh pemeriksa bagi soalan-soalan selepas setiap Peperiksaan Sijil Amalan Guaman selaras dengan taraf antarabangsa.
32. PN-1532-L12225
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil dapatan kajian berhubung pemanjangan tempoh Passport Malaysia Antarabangsa kepada 10 tahun yang dijanji akan diumumkan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2024.
33. PN-1532-L11524
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan sesebuah negeri menerima peruntukan dalam penyelesaian masalah air dalam bentuk geran memandangkan negeri Kelantan menerima peruntukan dalam bentuk pinjaman sebanyak RM500 juta seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 27 September 2023.
34. PN-1532-L11563
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butiran pelaksanaan program perumahan mampu milik di bandar-bandar utama serta langkah-langkah tambahan yang diambil untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana dapat memiliki rumah tanpa beban kewangan yang keterlaluan.
35. PN-1532-L12133
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pakar pembedahan kardiotoraks bagi mengatasi masalah masa menunggu yang lama bagi pesakit yang memerlukan pembedahan tersebut.
36. PN-1532-L11767
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah pinjaman yang diberikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada seseorang pelajar yang mengikut taraf pengajian terkini; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah pinjaman ini daripada jumlah sedia ada kepada jumlah yang lebih tinggi dalam waktu terdekat.

37. PN-1532-L11777

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penglibatan, peranan dan hasil Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam lawatan kerja dari negara luar dan lawatan kerja ke negara luar terutama dalam bidang pembangunan muamalat dan syiar Islam.

38. PN-1532-L11649

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menyediakan bantuan khas kepada masyarakat Orang Asli berikutan kenaikan harga diesel memandangkan ramai yang menggunakan kenderaan pacuan empat roda kerana kedudukan kampung jauh di pedalaman .

39. PN-1532-L12061

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan inisiatif program JaminKerja dalam mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia dan graduan serta apakah statistik terkini kadar pengangguran dan jumlah belia yang telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan tetap.

40. PN-1532-L11787

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan telah mengadakan sesi penjelasan perundangan menerusi libat urus bersama mana-mana pemain industri tempatan berskala antarabangsa bagi menerangkan tentang peruntukan-peruntukan perundangan berkaitan khususnya Fasal 8 yang digariskan dalam Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing.

41. PN-1532-L12274

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keperluan dan bilakah '*blood bank centre*' untuk kawasan selatan akan dilaksanakan.

42. PN-1532-L12248

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sambutan terkini daripada negara-negara pengimport utama komoditi sawit negara terhadap dasar 'diplomasi orang utan' yang diperkenalkan dan bagaimanakah konsep diplomasi perdagangan komoditi tersebut berupaya menjadi pencetus kepada kenaikan kadar permintaan global terhadap komoditi sawit khususnya daripada Kesatuan Eropah.

43. PN-1532-L12034

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan Dual Language Program (DLP) di lebih banyak sekolah menengah dan apakah kekangan yang sedang dihadapi oleh Kementerian untuk melaksanakan program DLP di lebih banyak sekolah memandangkan terdapat rintihan daripada masyarakat umum berkenaan perkara ini.

44. PN-1532-L12173

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan Kerajaan dalam memperincikan aspek kesalahan 3R (Race, Religion and Royalty).

45. PN-1532-L11445

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menyediakan kaunter-kaunter khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di hospital-hospital Kerajaan pada masa akan datang.

46. PN-1532-L11437

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah pelan strategi dan berapakah jumlah perbelanjaan yang dilaksanakan bagi pemerkasaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian bagi tahun 2023; dan
- (b) berapa bilangan pengambilan OKU semenjak ia diwujudkan dan apakah kursus TVET yang amat popular dalam kalangan OKU.

47. PN-1532-L11478
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian untuk mengintegrasikan teknologi digital ke dalam proses pembelajaran dan pengajaran.
48. PN-1532-L11842
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan status permohonan untuk mewujudkan sebuah Kolej Komuniti di Parlimen Tebrau.
49. PN-1532-L11657
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aset dan nilai aset 1MDB di luar negara yang masih dalam rundingan untuk dipulangkan semula ke Malaysia.
50. PN-1532-L11846
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis masa pelaksanaan subsidi diesel bersasar di Sabah dan Sarawak supaya seragam dengan Semenanjung Malaysia.
51. PN-1532-L11928
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberhasilan usaha Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan import.
52. PN-1532-L11596
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani kemerosotan pengambilan pelajar dalam bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).
53. PN-1532-L11834
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah keberkesanan inisiatif Budi MADANI setakat hari ini.
54. PN-1532-L11529
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah lawatan ke luar negara oleh YAB Perdana Menteri bermula pada Disember 2022 sehingga kini termasuk jumlah perbelanjaan, tempoh dan saiz delegasinya bagi setiap lawatan tersebut.

55. PN-1532-L12145
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan impak kepada kenaikan harga barang pengguna pada dari minggu kedua Jun 2024 hingga kini ekoran rasionalisasi subsidi minyak diesel.
56. PN-1532-L11692
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) rasional pembekuan menyeluruh bagi permit pekerja asing; dan
 - (b) adakah sebarang kajian impak kepada syarikat tempatan telah dilakukan dan bagaimanakah Kerajaan membantu sektor ekonomi kritikal yang memerlukan pekerja asing.
57. PN-1532-L11466
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perincian dan pecahan mengikut negeri-negeri berkenaan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan memandangkan Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah belanjawan yang besar di bawah Ekonomi MADANI untuk memberi inisiatif kepada pelaburan yang berteraskan tenaga yang diperbaharui dan pendigitalan.
58. PN-1532-L11588
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membaik pulih atau menaik taraf Klinik Kesihatan Bandar Lanchang, Temerloh.
59. PN-1532-L12233
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah mitigasi dan perancangan khusus Kerajaan dalam membendung serangan terhadap balai polis seperti yang berlaku tempoh hari.
60. PN-1532-L11740
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi menaik taraf satu-satunya laluan jalan raya dari Lebuhraya Pan Borneo ke pekan Saratok memandangkan laluan tersebut agak berbahaya dan telah banyak nyawa terkorban di kawasan tersebut.

61. PN-1532-L11868
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah kemasukan pelancong dari negara China dan India selepas Kerajaan memberikan pengecualian visa selama 30 hari kepada mereka sejak ia diperkenalkan pada 1 Disember 2023 sehingga Jun 2024 yang lalu.
62. PN-1532-L11807
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan jumlah premis dan produk yang memaparkan label "Tanpa Minyak Sawit" telah dikesan oleh bahagian penguatkuasaan Agensi Kerajaan pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan 2024 serta adakah Kementerian bersedia untuk mendedahkan nama syarikat, pengusaha, peruncit dan pemborong yang menjual produk anti-minyak sawit di negara ini.
63. PN-1532-L12205
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah terkini siswazah dalam bidang Teaching English as a Second Language (TESL) di IPTA dan bilangan yang masih belum mendapat penempatan perguruan.
64. PN-1532-L11802
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian dimandatkan dengan fungsi inklusif dalam cadangan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) bagi melindungi hak kebajikan serta keselamatan golongan orang kurang upaya (OKU) dan wanita khususnya ibu tunggal yang bekerja dalam sektor ekonomi gig.
65. PN-1532-L11659
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan analisa dan keperluan Malaysia untuk menyertai organisasi antara Kerajaan BRICS iaitu Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan serta faedah dan kepentingan yang bakal diperolehi daripada penyertaan itu.
66. PN-1532-L12345
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kerajaan dalam menaik taraf dan memperkasa industri minyak dan gas di Labuan agar ekonomi setempat dapat ditingkatkan semula di samping menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Labuan.

67. PN-1532-L12349

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melihat digitalisasi dalam setiap sistem agensi Kerajaan dapat dipertingkatkan bagi meminimumkan pengambilan penjawat awam pada masa hadapan yang sekali gus dapat meningkatkan prestasi kerja serta keseimbangan kehidupan kerja.

68. PN-1532-L12295

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi memadukan kursus akademik dalam bentuk program Ijazah Bersama (Joint Degree), Ijazah Dual (Dual Degree) dan dwijazah (Double Degree) untuk memastikan kesepaduan ilmu dan kebolehpasaran siswazah IPT di negara ini.

69. PN-1532-L12213

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan sedia mengkaji semula langkah penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sebanyak 30 peratus kepada Global Infrastructure Partners (GIP) yang dimiliki oleh BlackRock sedangkan rakyat Amerika Syarikat sendiri mengadakan protes pro-Palestin di hadapan ibu pejabat syarikat tersebut.

70. PN-1532-L11700

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 dan adakah ia akan mencapai sasaran-sasaran yang telah ditetapkan; dan
- (b) adakah pelan dan sasarannya masih relevan memandangkan perubahan iklim telah menjejaskan produksi makanan dalam dan luar negara.

71. PN-1532-L12336

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) menjelaskan kepada Dewan kejayaan setakat ini dari sudut keberkesanan menyekat penyeludupan diesel setelah penyasaran diesel dilaksanakan; dan
- (b) nilai kos yang berjaya diselamatkan.

72. PN-1532-L11887
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana keberkesanan Program Pendigitalan Usahawan Desa (PPU) yang bermula pada Februari lepas dapat dimanfaatkan oleh usahawan desa untuk mendigitalkan perniagaan mereka.
73. PN-1532-L12257
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan anggaran perbelanjaan bagi merealisasikan cadangan pelaksanaan terminal khas umrah serta haji dan bagaimanakah pelaksanaan tersebut boleh mewujudkan keberkesanan dalam aspek pengurusan imigresen khususnya pada waktu sesak yang selama ini memberi kesan kepada tempoh menunggu di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah, Arab Saudi.
74. PN-1532-L12165
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kesediaan Kerajaan dalam melaksanakan tanaman padi hibrid empat kali setahun.
75. PN-1532-L11511
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang telah diambil untuk mempromosikan inovasi di dalam industri kesihatan dan bioteknologi.
76. PN-1532-L11908
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan punca yang menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas di laluan Lebuhraya Pan Borneo di Jakar, Sarikei ketika sambutan Hari Gawai Dayak dan cara penyelesaiannya.
77. PN-1532-L11982
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pengiktirafan Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak memandangkan bahawa ramai pendidik sedang mengikuti kursus tersebut dengan harapan bahawa program tersebut akan memenuhi syarat minima Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengajar menjelang tahun 2025.

78. PN-1532-L12326
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk melaksanakan penyasaran cukai baru atau tertentu kepada golongan bersasar bagi menambah hasil Kerajaan dengan hasrat untuk mengembalikan dan mengekalkan subsidi bahan bakar.
79. PN-1532-L11715
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik penyeludupan bahan api diesel sejak tahun 2018 dan apakah kaedah penyeludupan yang digunakan sehingga menyebabkan kerugian kepada negara.
80. PN-1532-L11608
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk meluaskan pembangunan infrastruktur digital di kawasan luar bandar & pedalaman Sarawak dan sekiranya ada, apakah perancangan yang telah dilaksanakan dan sejauh mana kejayaan perancangan atau program tersebut.
81. PN-1532-L11764
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perkembangan pelaksanaan program 'Gelombang Padi' setakat ini dan sejauh manakah inisiatif yang ada dalam program ini mampu menyelesaikan isu yang berbangkit di dalam sektor padi negara.
82. PN-1532-L12302
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan reformasi daripada pelaksanaan skim penyasaran subsidi diesel dan bagaimanakah pihak Kerajaan menanganinya.
83. PN-1532-L12185
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah sasaran program Akademi Kenegaraan Malaysia serta adakah ia turut merangkumi modul pendidikan integriti dan antirasuah.

84. PN-1532-L11757
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan terhadap isu lambakan pekerja asing yang tidak bekerja dan apakah faktor yang menyumbang kepada berlakunya situasi ini sebagaimana yang dilaporkan oleh laporan Malaysia Economic Monitor oleh World Bank pada April yang lalu.
85. PN-1532-L11815
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
- (a) status terkini pelaksanaan harga siling beras putih tempatan sama ada ianya akan dikekalkan pada harga RM2.60 sekilogram atau bakal dinaikkan dalam lingkungan RM2.80 hingga RM3.20 sekilogram; dan
 - (b) setakat manakah kebenaran beras putih tempatan tiada di pasaran walaupun 60 peratus pengeluarannya adalah bagi pasaran tempatan.
86. PN-1532-L11884
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam merencana hala tuju sekuriti makanan negara yang lebih holistik serta memastikan negara kita mencapai Kadar Sara Diri (SSR) yang lebih baik khususnya terhadap bekalan makanan utama negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan import.
87. PN-1532-L11896
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status semasa keadaan Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Fasa 1 di Sarawak dan kualiti jalan keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo di antara Telok Melano hingga Miri.
88. PN-1532-L11924
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan, penyelenggaraan kemudahan asas di Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sepanjang tahun ini dan adakah terdapat penambahan peruntukan bagi projek-projek di Labuan.

89. PN-1532-L11954

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) jumlah pelaburan bagi syarikat pelaburan antarabangsa, BlackRock dalam bentuk pasaran ekuiti dan bon syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat korporat di negara ini; dan
- (b) senarai syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang mempunyai pemilikan saham BlackRock dan jumlah peratusan pemilikannya pada setiap syarikat yang terlibat.

90. PN-1532-L11628

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian menyarankan kepada syarikat telekomunikasi untuk menyediakan skim asas insurans kepada pengguna yang bertahun lamanya melanggan perkhidmatan mereka sebagai satu tanggungjawab sosial.

91. PN-1532-L11972

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan insentif-insentif yang ditawarkan kepada pelabur asing untuk menarik mereka bagi menubuhkan pusat data di negara kita.

92. PN-1532-L11712

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyewa tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) bagi dijadikan tapak menara telekomunikasi di Sarawak bagi membolehkan pendapatan pemilik tanah adat ditambah ataupun bercadang untuk memberikan kepada Kerajaan Sarawak untuk mengambil alih tapak tanah tersebut dengan bayaran yang lebih murah.

93. PN-1532-L12012

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan perancangan untuk menyelesaikan masalah tanpa warganegara atau *stateless* yang dilahirkan di wilayah Sabah yang mana kedua-dua ibu bapa bukan warganegara atau dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI).

94. PN-1532-L11689
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat mekanisme pemantauan terhadap duit yayasan yang didaftarkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang bagi mengelakkan sebarang elemen pengubahan wang haram.
95. PN-1532-L11675
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan statistik keluasan hutan mengikut negeri di Malaysia serta langkah-langkah Kementerian bagi memastikan kelestarian hutan di Malaysia.
96. PN-1532-L11554
Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) semakan kadar pemberian khas di bawah Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan daripada RM26.7 juta kepada RM53.4 juta bermula tahun 2020 yang terkandung di dalam Belanjawan Persekutuan 2020 yang dibentangkan pada 11 Oktober 2019; dan
 - (b) sama ada Kerajaan Sabah pada masa itu telah membuat persetujuan rasmi ke atas kadar semakan tersebut dan mengapa semakan tersebut tidak diwartakan sebagaimana peruntukan 112D(5) dan 112D(8) Perlembagaan Persekutuan.
97. PN-1532-L12291
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan projek Fasa 3 Lebuhraya Pan Borneo (LPB) bagi jajaran Tawau-Kalabakan-Sapulot-Keningau.
98. PN-1532-L12181
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan hasrat Kerajaan dalam menaikkan sektor pelancongan di Baling terutamanya dalam ekopelancongan.
99. PN-1532-L12193
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar ijazah pertama di universiti-universiti awam dalam negara yang gagal menamatkan pengajian (terkandas) serta apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka.

100. PN-1532-L11496
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan menggalakkan sebuah ekosistem inovasi yang menyokong syarikat permulaan (*startups*) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
101. PN-1532-L12245
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah inisiatif semasa bagi mengaplikasikan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan internet benda (IoT) dalam industri pertanian khususnya di Sabah.
102. PN-1532-L11949
Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tahap kepuasan pelanggan dalam kalangan masyarakat Orang Asli terhadap JAKOA terutamanya berkaitan dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Jabatan itu selama ini demi kesejahteraan hidup masyarakat itu.
103. PN-1532-L11581
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan penjelasan Kementerian berhubung penurunan pelaburan langsung asing (FDI) memandangkan Malaysia hanya memperoleh sebanyak RM40.4 bilion pada 2023 menandakan penurunan sebanyak 46 peratus daripada RM75.4 bilion dari tahun sebelumnya menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.
104. PN-1532-L12103
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan agresif Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk menarik lebih ramai pelajar lepasan sekolah untuk mendapatkan ilmu kemahiran sebagai alternatif kepada program pembelajaran arus perdana yang lain dalam menyediakan belia untuk bersaing mendapatkan peluang pekerjaan.
105. PN-1532-L12039
Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) bilangan pelajar sekolah menengah yang layak untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 tetapi gagal menduduki peperiksaan tersebut mengikut negeri dan kaum; dan

- (b) apakah punca-punca keadaan ini berlaku dan apakah langkah-langkah strategik Kementerian untuk mengatasi fenomena ini.

106. PN-1532-L11493

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan jangka panjang Kementerian untuk memastikan taman-taman di kawasan perumahan kekal lestari dan memberikan manfaat kepada penduduk dan apakah contoh serta pengajaran yang boleh diambil daripada projek taman perumahan yang berjaya dalam program kelestarian tersebut.

107. PN-1532-L11963

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan peruntukan yang disalurkan kepada Muzium Negara bagi membeli dan memelihara khazanah warisan Negara bagi tahun 2022 sehingga kini dan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam memelihara khazanah atau artifak sejarah seperti kenderaan atau alat muzik supaya dipelihara untuk tatapan generasi masa hadapan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 25/2024) Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-kanak (Pindaan) 2024 (dengan pindaan di Peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis)
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
2. (D.R. 28/2024) Rang Undang-undang Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R. 26/2024) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
4. (D.R. 27/2024) Rang Undang-undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
5. (D.R. 30/2024) Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
6. (D.R. 29/2024) Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
7. (D.R. 38/2024) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2024
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua

- | | | | |
|-----|----------------|--|---------------------------------------|
| 8. | (D.R. 39/2024) | Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 9. | (D.R. 16/2024) | Rang Undang-undang Audit (Pindaan) 2024

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 10. | (D.R. 15/2024) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 11. | (D.R. 14/2024) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 12. | (D.R. 40/2024) | Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 13. | (D.R. 41/2024) | Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024

[Menteri Pengangkutan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 14. | (D.R. 21/2024) | Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024

[Menteri Digital] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |
| 15. | (D.R. 31/2024) | Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024

[Menteri Kesihatan] | Bacaan
Kali Yang
Kedua |

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 16. | (D.R. 7/2024) | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 17. | (D.R. 33/2024) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2024
[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 18. | (D.R. 34/2024) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2024
[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 19. | (D.R. 35/2024) | Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2024
[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 20. | (D.R. 36/2024) | Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2024
[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 21. | (D.R. 37/2024) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024
[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 22. | (D.R. 17/2024) | Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024
[Menteri Dalam Negeri] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 23. | (D.R. 22/2024) | Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024
[Menteri Dalam Negeri] | Bacaan Kali Yang Kedua |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD.10	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Bagi Tahun 2023	23 Julai 2024
CMD.11	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2023	23 Julai 2024
ST.84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.107	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan (FRF) Bagi Tahun 2023	23 Julai 2024
ST.108	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Putra Malaysia Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2021	23 Julai 2024
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Bagi Tahun 2022	23 Julai 2024
ST.115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2023	23 Julai 2024
DN.2	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Tatakelola, Integriti Dan Antirasuah	23 Julai 2024